

28 JUL 1997

Mahathir-Sejarah

RAKYAT TIDAK MENGHARGAI SEJARAH, KATA MAHATHIR

LANGKAWI, 28 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur sikap kebanyakan rakyat di negara ini yang tidak menghargai sejarah.

Berikutan itu, mereka tidak mengetahui asal usul dari mana mereka datang dan ke mana mereka hendak pergi (selepas ini), katanya pada majlis perasmian pameran foto sempena ulang tahun ke-10 Langkawi sebagai pulau bebas cukai di sini.

"Oleh itu mereka tidak tahu jalan di hadapan mereka betul atau tidak dan tidak sedar apa yang mereka akan lalui di masa depan," katanya.

Dr Mahathir berkata mereka tidak menghargai sejarah dan ini dapat dilihat kerana tidak ramai yang menyimpan barangan yang mempunyai nilai sejarah.

Mereka menganggap sesuatu barang itu sebagai suatu perkara biasa pada sesuatu ketika sedangkan ia mempunyai nilai sejarah pada masa akan datang, katanya.

"Mereka sepatutnya menyimpan sesuatu barang, sebagai contoh, duit cap pokok pisang yang digunakan semasa zaman pemerintahan tentera Jepun. Hari ini cukup susah nak cari duit itu yang merupakan sebahagian daripada sejarah negara ini," katanya.

Satu lagi contoh, katanya, lanca iaitu kenderaan beroda dua yang ditarik oleh manusia dan banyak digunakan sebagai pengangkutan suatu masa dahulu.

"Sekarang ini nak buat pameran untuk menunjukkan lanca pun susah sebab tiada seorang yang simpan kenderaan itu," katanya.

Dr Mahathir berkata bahan sejarah adalah penting kerana ia boleh memberikan gambaran tentang keadaan di masa dahulu berbanding pada masa sekarang.

Perdana Menteri berkata usaha yang dijalankan oleh kumpulan akhbar The New Straits Times dalam mengadakan pameran foto seumpama ini boleh membantu orang ramai melihat perubahan yang berlaku di Langkawi.

Beliau berharap pameran itu dapat membangkitkan kesedaran ataupun nostalgia orang ramai tentang Langkawi.

Dr Mahathir berkata kalau sepuluh tahun dahulu cuma 30,000 pelancong yang datang ke Langkawi tetapi sekarang angkanya sudah menjangkau dua juta orang yang menunjukkan pembangunan pesat yang dialami oleh pulau legenda ini.

Pameran yang bermula hari ini sehingga 6 Ogos itu memaparkan 120 keping gambar, keratan akhbar dan karikatur mengenai perkembangan pulau legenda itu sejak 1940-an hingga sekarang.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid dan Pengarang Kumpulan NST Datuk Abdul Kadir Jasin. -- BERNAMA

NH JM PR